

# Keputusan lanjut PKP diketahui hari ini

Kerajaan akan bertindak lebih tegas tanpa kompromi jika ingkar SOP

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini, akan memutuskan langkah seterusnya berhubung pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang tamat Khamis ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata antara inti pati mesyuarat itu termasuk denda lebih tinggi terhadap syarikat yang dikesan melanggar prosedur operasi standard (SOP).

"Selain itu penguatkuasaan lebih ketat terhadap pematuhan SOP oleh semua pihak akan turut dibincangkan selain mendengar laporan daripada Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya selepas meninjau sekatan jalan raya di Sentul dan Gombak, semalam.

Ismail Sabri turut mengumumkan akan mengambil tindakan lebih


tegas tanpa kompromi terhadap mereka yang ingkar SOP bagi membendung penularan COVID-19.

"Kita lihat kes semakin meningkat walaupun kita tahu kes membabitkan kilang, tapak binaan yang (mana) pihak kerajaan juga memberi tumpuan," katanya.

Ismail Sabri juga berkata, kompaun maksimum RM1,000 bagi kes pelanggaran SOP akan dinaikkan, tetapi ia tertakluk kepada Ordinan Darurat dan pindaan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Beliau menjelaskan setakat ini hukuman di bawah Akta 342 terlalu rendah iaitu maksimum RM1,000 dan jumlah itu mendapat kritikan kerana dikatakan tidak sepadan apabila kesalahan dilakukan oleh syarikat dan perusahaan besar dengan pendapatan berbilion ringgit umpamanya.

Sehubungan itu, katanya, pengumuman mengenai kadar maksimum baharu kompaun berkenaan akan diumumkan pihak ber-



Ismail Sabri menyampaikan sumbangan kepada wakil anggota ATM yang bertugas ketika lawatan ke Sekatan Jalan Raya di Plaza Tol Gombak, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin /BH)

keenan nanti sama ada polis, Kementerian Kesihatan atau MKN.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador yang berpendapat sudah tiba masanya nilai kompaun ingkar dan melanggar SOP PKP dinaikkan susulan peningkatan ketara kes COVID-19.

"Sekiranya kompaun RM1,000 dianggap kecil, maka mereka yang berdegil ini pasti akan menerima padah apabila arahan menaikkan nilai kompaun ini diwartakan," katanya.

Sementara itu, mengenai sektor ekonomi, Ismail Sabri berkata, kerajaan memberi jaminan tidak akan menutup sepenuhnya sektor ekonomi ketika pelaksanaan PKP bagi mengelakkan kesan lebih buruk terhadap masyarakat yang hilang sumber pendapatan.

Keputusan itu katanya, diambil kerajaan bagi mengimbangi kelangsungan hidup dan kesihatan rakyat sekalipun ada desakan agar sektor ekonomi ditutup bagi mengekang peningkatan kes COVID-19 yang semakin tinggi ke-

belakangan ini.

"Saya banyak terima (mesej) WhatsApp daripada peniaga kecil dan tepi jalan yang mengadu keadaan mereka begitu susah sekiranya tidak dibenarkan berniaga dalam tempoh PKP. Walaupun kini dibenarkan berniaga untuk hidangan bungkus, pendapatan mereka susut 50 peratus," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan mengubah strategi penguatkuasaan dan pematuan SOP COVID-19 dengan menumpukan lokaliti yang berisiko seperti kilang dan tapak binaan berbanding tempat awam. Data menunjukkan dua lokaliti terbahit menyumbang jumlah tertinggi kes positif COVID-19. Lokaliti berkenaan juga sinonim pekerja warga asing yang menjadi penyumbang kes jangkitan COVID-19.

Dengan itu, kerajaan juga akan meminda Ordinan Darurat yang menyentuh aspek perumahan bagi memastikan majikan menyediakan tempat tinggal yang baik untuk pekerja. Aspek perumahan yang tidak kondusif dan dihuni

ramai sehingga terpaksa berhimpit menjadi menjadi antara punca penyebaran COVID-19.

Menyentuh pembabitatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menguatkuasakan SOP PKP, Ismail Sabri berkata seramai 3,562 anggota terbabit dalam sekatan jalan raya dan rondaan bersama PDRM. Daripada jumlah itu, 3,027 anggota membantu sekatan jalan raya manakala 535 anggota lain terbabit rondaan.

Sementara itu, katanya, pihak yang ingin menjalankan kutipan derma sama ada berkaitan sumbangan bantuan COVID-19 perlu mendapatkan kebenaran polis. Ia adalah prosedur biasa membabitkan kutipan derma bagi mengelakkan ia disalahgunakan.

"Saya tak pasti, boleh rujuk PPUM (Pusat Perubatan Universiti Malaya). Tetapi saya difahamkan, prosedur kutip derma mesti dapat kelulusan PDRM," katanya mengulas mengenai aktiviti sumbangan bagi Tabung COVID-19 PPUM menerusi platform aplikasi e-dagang, Lazada Malaysia.